

**NOTIS KEPADA JURUAUDIT ALAM SEKITAR**  
**Notis Bil. 1/2015**

**PENUBUHAN PASUKAN AUDIT**

1. Pasukan audit hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya dua individu. Hanya Ketua Juruaudit wajib berdaftar di bawah Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar.
2. Pembantu juruaudit yang belum berdaftar di bawah Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar hendaklah telah disijilkan untuk menjalankan audit alam sekeliling (*certified in environmental auditing*) dan memiliki ijazah samada dalam bidang sains persekitaran, teknologi atau kejuruteraan. Ketua juruaudit adalah bertanggungjawab memastikan keperluan ini dipenuhi semasa melantik pembantu juruaudit.
3. Ketua juruaudit hendaklah memastikan ahli pasukan audit mempunyai pemahaman tentang skop audit dan proses-proses premis yang akan diaudit. Pasukan audit boleh dianggotai oleh pakar teknikal sekiranya pandangan pakar diperlukan. Pakar teknikal tidak wajib untuk berdaftar di bawah Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar.
4. Kesemua ahli pasukan audit hendaklah bebas daripada konflik kepentingan terhadap premis yang diaudit, sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Sekretariat  
Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar

18 Disember 2015

**NOTIS KEPADA JURUAUDIT ALAM SEKITAR**  
**Notis Bil 2/2015**

**NOTIFIKASI AUDIT KEPADA JABATAN ALAM SEKITAR**

1. Juruaudit yang telah dilantik untuk menjalankan audit alam sekeliling di bawah Seksyen 33A, AKAS 1974 hendaklah mengemukakan notifikasi kepada Jabatan Alam Sekitar.
2. Notifikasi hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri berkaitan dalam bentuk yang dinyatakan di *Appendix 3* dalam dokumen *Environmental Audit Guidance Manual*.
3. Notifikasi hendaklah dikemukakan, dalam tempoh **dua minggu sebelum** audit dijalankan di premis, samada melalui faks atau email.
4. Notifikasi hendaklah disertakan bersama pelan audit (*audit plan*).
5. Sekiranya pasukan audit mempunyai pembantu juruaudit yang belum berdaftar di bawah Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar, notifikasi hendaklah turut disertakan dengan maklumat latar belakang (akademik dan pengalaman menjalankan audit alam sekeliling) pembantu juruaudit tersebut.
6. Sesalinan notifikasi hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat.

Sekretariat  
Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar

18 Disember 2015

**NOTIS KEPADA JURUAUDIT ALAM SEKITAR**  
**Notis Bil 3/2015**

**PENGEMUKAAN RINGKASAN PENEMUAN AUDIT (*AUDIT FINDINGS SUMMARY SHEET*) BAGI AUDIT ALAM SEKELILING**

1. Ringkasan Penemuan Audit bagi audit di bawah Seksyen 33A, Akta Kualiti Alam Sekeliling hendaklah **dikemukakan pada hari terakhir audit dijalankan atau hari berikutnya** kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri berkaitan dan disalinkan kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat.
2. Ringkasan Penemuan Audit hendaklah disediakan mengikut format dalam dokumen *Environmental Audit Guidance Manual*.
3. Pengemukakan boleh dibuat samada melalui faks atau email. Salinan senarai kehadiran audit hendaklah turut disertakan.

Sekretariat  
Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar

18 Disember 2015

**NOTIS KEPADA JURUAUDIT ALAM SEKITAR**  
**Notis Bil 4/2015**

**KEPERLUAN KHAS BAGI MENJALANKAN AUDIT ALAM SEKELILING DI  
PERINGKAT KERJA TANAH DAN PEMBINAAN**

Ketua juruaudit bagi menjalankan audit alam sekeliling di peringkat kerja tanah dan pembinaan hendaklah memiliki kelayakan yang sah iaitu *Certified Profesional In Erosion And Sediment Control (CESSWI)* atau yang setaraf dengannya.

Sekretariat  
Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar

18 Disember 2015